

APLIKASI KAEDAH AD DARAR YUZAL DALAM PERKAHWINAN

APPLICATION OF THE PRINCIPLE OF AD-DARAR YUZAL IN MARRIAGE

Siti Nur Husna Abd Rahman*

Universiti Teknologi MARA Kampus Kuala Pilah
Cawangan Negeri Sembilan, Pekan Parit Tinggi,
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia

Mohd Hidayat Mahadi

Universiti Teknologi MARA Kampus Shah Alam
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Rafidah Mohd Azli

Universiti Teknologi MARA Kampus Kuala Pilah
Cawangan Negeri Sembilan, Pekan Parit Tinggi,
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia

Nursafra Mohd Zhaffar

Universiti Teknologi MARA Kampus Rembau
Cawangan Negeri Sembilan, Jalan UiTM Rembau (Jalan Panchang–Chengkau),
71300 Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia

**Corresponding Author's Email: 2022416422@student.uitm.edu.my*

Article History:

Received : 19 March 2025

Accepted : 10 April 2025

Published : 26 June 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Abd Rahman, S. N. H., Mahadi, M. H., Mohd Azli, R. & Mohd Zhaffar, N. (2025). Aplikasi Kaedah Ad Darar Yuzal Dalam Perkahwinan. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 95-115.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis aplikasi kaedah *Ad Darar Yuzal* dalam konteks perkahwinan. Pertama sekali, kaedah *Ad Darar Yuzal* bermaksud menghapuskan kemudaratan dalam kehidupan berkeluarga. Dalam hal ini, prinsip tersebut memainkan peranan penting dalam memastikan keharmonian dan kesejahteraan rumah tangga. Seterusnya, kajian ini meneliti pelbagai kes di mana kaedah ini diterapkan, termasuk isu-isu seperti penderaan fizikal dan mental, ketidakadilan ekonomi, dan konflik keluarga. Di samping itu, penyelidikan ini juga

membincangkan implikasi undang-undang dan sosial bagi pasangan yang terlibat. Akhir sekali, hasil kajian menunjukkan bahawa aplikasi kaedah *Ad Darar Yuzal* mampu menjadi mekanisme efektif dalam menyelesaikan konflik perkahwinan dan mengurangkan kemudaratan dalam hubungan suami isteri. Kesimpulannya, pendekatan ini bukan sahaja relevan dalam konteks perundangan Islam, tetapi juga dalam mempromosikan kesejahteraan dan keadilan dalam perkahwinan.

Kata kunci: *Ad Darar Yuzal*, kemudaratan perkahwinan, penyelesaian konflik, perundangan Islam

ABSTRACT

This study aims to analyze the application of the Ad Darar Yuzal principle in the context of marriage. Firstly, the principle Ad Darar Yuzal means the elimination of harm within family life. In this regard, the principle plays a crucial role in ensuring harmony and well-being in the household. The study further examines various cases where this principle is applied, covering issues such as physical and mental abuse, economic injustice, and family conflicts. Additionally, the research discusses the legal and social implications for the couples involved. Finally, the findings indicate that the application of the Ad Darar Yuzal principle can serve as an effective mechanism for resolving marital conflicts and reducing harm in spousal relationships. In conclusion, this approach is not only relevant in the context of Islamic law but also in promoting well-being and justice within marriage.

Keywords: *Ad Darar Yuzal, marriage harm, conflict resolution, Islamic law*

1.0 PENGENALAN

Islam merupakan agama yang membuka ruang manfaat dan menutup ruang kemudaratan kepada manusia. Sebab itu, jika diamati Al-Quran dan Sunnah, kita akan dapati bahawa sesungguhnya hukum-hakam syariah cenderung kepada mengharamkan sesuatu perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan. Ia kemudian disusuli dengan penyelesaian yang boleh membawa kepada kemaslahatan. Daripada kerangka inilah, timbulnya hukum-hukum taklifi iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus (Abdul Azib, 2012).

Mudarat adalah sesuatu yang boleh mendatangkan bahaya kepada keperluan asas manusia seperti agama, diri, keturunan, akal dan harta. Biasanya, apabila terjadinya sesuatu yang mudarat itu, ia akan menyebabkan mereka yang terlibat mengalami kesusahan, kerugian dan pelbagai bebanan dalam kehidupannya. Mudarat sebenarnya adalah ancaman yang mengundang bahaya dalam kehidupan manusia. Terdapat pelbagai jenis mudarat yang telah diklasifikasikan oleh para ulama. Antaranya, mudarat kecil dan mudarat besar, mudarat khusus dan mudarat umum, mudarat jangkamasa pendek dan mudarat jangka masa panjang (Yusuf Al-Qardawi, 1999).

Sejajar dengan itu, para ulama telah mengagaskan kaedah fiqhiyyah ini yang bermaksud semua kemudaratan mesti dihapuskan. Menurut pendapat Al-Sayuthi,

dalam hadis Rasulullah SAW menyentuh tentang larangan membawa mudarat atau melakukan darar ke atas orang lain. Hadis ini kemudiannya diterima sebagai kaedah fiqhiyyah dalam memahami peruntukan hukum syarak (Al-Sayuthi, 1998 hlm. 210).

الضرر يزال

Maksudnya: “Kemudaratan hendaklah dihilangkan”.

2.0 DEFINISI KAEDAH AL-DARAR YUZAL

Secara ringkasnya *al-darar* ialah setiap yang membawa kemudaratan kepada manusia. Manakala maksud *yuzal* ialah dihilangkan. Oleh itu setiap sesuatu yang menimbulkan mudarat dalam kehidupan manusia hendaklah dihilangkan atau dielakkan sama ada mudarat itu terhasil dari individu atau orang ramai atau daripada teknologi. Kaedah ini juga disebut dengan:

الضرر يزال

Maksudnya: *Bahaya dapat dihilangkan* (Jalaluddin Al-Suyuthi, 2004).

Menurut al-Sayuthi, kaedah fiqhiyyah ini memberi ruang bertindak untuk menuntut perceraian dalam urusan perkahwinan yang mengandungi unsur-unsur darar ke atas satu pihak yang lain sama ada kerana keaiban atau salah laku pasangannya (Ibid, hlm. 211).

Perkataan *ضرر* dalam hadis tersebut bermaksud melakukan kerosakan terhadap orang lain. Sedangkan perkataan *ضرار* pula memberi maksud bertindak balas melakukan kemudaratan yang sama dengan kemudaratan terhadapnya. Dasar daripada kaedah ini adalah daripada sabda Rasulullah SAW:

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya: “Tiada boleh membahayakan diri sendiri dan tidak boleh pula membahayakan diri orang lain”.(Riwayat Ibn Majah no.2340 dan 2341).

Ia diaplikasikan dalam pelbagai isu fiqh, dengan kata lain ia berkait rapat dengan menjaga kepentingan agama, jiwa raga, keturunan, harta dan maruah. Kaedah ini menjelaskan bahawa segala kemudaratan perlu ditegah dan diharamkan, ia termasuk mudarat yang umum dan khusus. Di samping itu, pencegahan awal juga perlu dibuat untuk mengelakkan daripada kemudaratan sebagaimana kita menghapuskan kemudaratan yang telah berlaku dan mengawal daripada kemudaratan yang berulang-ulang.

Islam tidak menggalakkan perceraian kerana ia akan mengakibatkan implikasi dan permasalahan yang besar disebabkan oleh perpisahan tersebut. Berbagai permasalahan akan timbul apabila berlaku perceraian di antara suami dan isteri. Oleh yang demikian, setiap kemudaratan yang terhasil daripada perceraian hendaklah dihilangkan bagi memperolehi kebahagiaan yang lebih hakiki. Maka perkara

tersebut sesuai dengan kaedah ini iaitu segala kemudaratan yang menimpa atau bakal menimpa hendaklah dielakkan atau di hilangkan.

Segala kemudharatan yang berlaku wajib dihilangkan dan dihapuskan. Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang berkenaan masalah kemudaratan. Ada antara kaedah yang menghalang kemudaratan itu daripada dilakukan manakala kaedah ini pula menerangkan tentang kewajipan untuk menghilangkan kemudaratan tersebut apabila ia berlaku. Oleh itu, kaedah ini menunjukkan bahawa apabila berlaku sesuatu kemudaratan yang menimpa mana-mana pihak, maka kemudaratan itu wajib dihilangkannya daripada terus ditanggung (Anwar Fakhri, 2006).

Kemudaratan itu harus dihilangkan dengan membawa pengertian bahawa kemudaratan telah terjadi. Lantaran itu, apabila keadaan demikian berlaku, ia wajib dihilangkan. Kaedah ini juga membawa maksud sesuatu yang boleh mendatangkan bahaya mestilah dihapuskan dan perkara yang merbahaya itu juga hendaklah dihilangkan (Abdul Latif Muda dan Rosmawati Ali, 2000).

Berdasarkan masalah ini, terdapat pula beberapa cabang kaedah yang berkait rapat dengan kaedah utama seperti yang di atas iaitu:

الضرر يدفع بقدر الامكان

Maksudnya: "*Kemudaratan dibendung semungkin yang dapat*" (Jalaluddin Al-Suyuthi, 2004).

Kaedah ini berasal daripada kaedah Usuliyah yang berkaitan dengan skop kewajipan mencegah kemudaratan dan bahaya yang mana jika kemudaratan itu dapat dibendung seluruhnya, maka itulah yang terbaik. Namun, jika tidak termampu untuk berbuat demikian, maka lakukanlah sekadar yang termampu. Ini bermakna jika perceraian merupakan jalan yang terbaik bagi membendung masalah rumahtangga yang tidak kesudahannya, maka keputusan untuk bercerai itu lebih baik daripada terus menerus dalam kemudaratan.

الضرر الأشد يزال بالضرار الأخف

Maksudnya: "*Kemudaratan yang lebih berat dihilangkan dengan kemudaratan yang lebih ringan*" (Jalaluddin Al-Suyuthi, 2004).

3.0 DEFINISI PERCERAIAN

Ikatan perkahwinan merupakan satu ikatan yang suci di mana seorang lelaki dan perempuan disatukan dalam majlis akad mengikut rukun-rukun nikah dan syarat-syarat nikah yang telah ditetapkan. Dengan adanya akad nikah dalam perkahwinan maka diharuskan melakukan hubungan suami isteri sepertimana yang dibenarkan syarak.

Islam sangat menjaga kemaslahatan umatnya. Setiap tatacara yang dianjurkan oleh Islam penuh dengan kemudahan, keharmonian, keadilan dan kesenangan bagi semua pihak. Bahkan dalam kehidupan berumahtangga, Islam juga turut mementingkan keharmonian dan keadilan antara pasangan suami isteri bagi mengelakkan sebarang perpecahan dan perceraian yang akan berlaku. Perkahwinan

merupakan perkara yang paling disukai oleh Allah SWT. Namun perceraian pula adalah perkara halal yang paling dibenci oleh Allah SWT. Sepertimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Daud:

أَبْعَضُ الْحَالِلِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى الطَّلَاقُ

Maksudnya: “Perkara halal yang dibenci oleh Allah ialah talak”
(Riwayat Abu Daud, Kitab Sunan Abu Daud, Bab Al Talak, no 2178).

Perceraian bermakna memutuskan pertalian di dalam perkahwinan. Ia juga bermaksud membuka atau melepaskan ikatan perkahwinan (Al-Zuhaili, 2010). Dalam istilah agama, ia bermaksud talak atau cerai. Kehidupan moden hari ini banyak menjuruskan pasangan ke lembah perceraian. Dalam konteks agama Islam perceraian amat dibenci oleh Allah SWT. Walau bagaimanapun seandainya perkahwinan itu tidak dapat diselamatkan lagi maka menamatkan perkahwinan tersebut adalah jalan yang terbaik bagi pasangan tersebut. Haruslah diingat, bahawa perceraian yang terjadi haruslah dilakukan dengan suasana paling aman dan terkawal.

Di dalam Islam terdapat beberapa kaedah perceraian yang dibolehkan bagi memutuskan perkahwinan yang tidak mempunyai penyelesaiannya lagi. Antaranya talak, taklik, khuluk dan fasakh (Al-Zuhaili, 2010). Kebiasaannya perceraian melalui talak iaitu di mana kuasa talak itu dimiliki oleh suami sahaja. Manakala perceraian melalui taklik ialah apabila wujudnya pelanggaran kepada apa-apa yang telah dibuat oleh suami yang disebutkan semasa akad atau selepas akad bertujuan menceraikan isterinya. Khuluk pula boleh dilakukan melalui kedua dua belah pihak. Kuasa fasakh sahaja satu satunya perceraian yang terletak ditangan isteri melalui kuasa mahkamah walaupun tanpa kebenaran daripada pihak suami (Abd Latif Muda dan Rosmawati Ali, 1997). Berdasarkan firman Allah SWT di dalam Surah Al-Qasas ayat 77 iaitu:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا
أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

Bermaksud: “*Sesungguhnya Allah tidak suka orang yang melakukan kerosakan*” (Surah Al-Qasas ayat 77).

Jelaslah disini bahawa Islam telah menggariskan syariat Islam untuk menghindari kemudharatan dengan mengadakan hukuman qisas, hudud, mengharuskan perceraian serta memberi kuasa pada hakim untuk memfasakh nikah dan sebagainya.

Kaedah ini mempunyai kaitan dengan kaedah yang sebelumnya yang mana membawa maksud apabila terdapat dua kemudharatan dalam satu masa secara serentak, penyelesaiannya adalah kemudharatan yang lebih berat seharusnya dihilangkan dengan dikerjakan kemudharatan yang lebih ringan. Dalam keadaan lain, kaedah ini bermaksud sekiranya terdapat dua kemudharatan, atau apabila

bertentangan antara dua kemudharatan, hendaklah diperhatikan mana yang lebih besar bahaya. Begitulah juga apabila kaedah ini diaplikasikan di dalam perkahwinan yang tiada kesefahaman, toleransi dan bertolak ansur maka pembubaran perkahwinan adalah dibenarkan jika berlaku *darar* yang besar. Jika sesuatu perkahwinan itu ternyata telah gagal dan tujuan suci dan matlamat murninya tidak tercapai, sebaliknya menimbulkan mudarat yang lebih besar, kesudahan, penderitaan, pertengkaran, pukul memukul, maki hamun dan perkelahian yang berpanjangan, maka ada baiknya berpisah dengan cara yang baik dan bertimbangrasi, sebagai jalan penyelesaian yang terakhir berbanding mempertahankan mudarat yang lebih ringan.

4.0 PERBINCANGAN

4.1 Aplikasi Kaedah *Al-Darar Yuzal* Dalam Hubungan Selepas Perceraian

Hubungan kekeluargaan dalam sistem rumah tangga Islam tidak terhenti setakat lafaz cerai. Sistem kekeluargaan dalam Islam sangat sempurna dan adil kepada semua pihak dalam kalangan ahli keluarga. Asas pembinaan institusi kekeluargaan meletakkan peranan dan tanggungjawab suami, isteri, ayah, ibu dan anak begitu eksklusif bagi membangunkan keharmonian masyarakat kerana pembentukan masyarakat bermula dari rumah.

Sungguhpun ikatan pernikahan putus akibat pembubaran perkahwinan seperti persetujuan bersama, lafaz cerai di luar mahkamah, fasakh, taklik, khuluk atau anggapan kematian yang mengakibatkan jatuhnya talak, Islam memberi ruang kepada pasangan suami isteri untuk terus berhubung antara satu sama lain dengan batas pergaulan yang diharuskan oleh hukum syarak terutamanya bagi menjalankan tanggungjawab hakiki. Matlamat ini murni bagi memastikan hak dan kepentingan bekas suami, bekas isteri dan anak dilindungi.

Aplikasi kaedah *al-darar yuzal* dalam hubungan selepas perceraian yang mana atau isteri atau suami boleh dituntut di mahkamah selepas sesuatu perceraian berlaku ialah:

1. Mahar yang belum dijelaskan selepas peceraian perlu dijelaskan

Berdasarkan hukum syarak sebarang mas kahwin yang diberikan kepada seorang isteri semasa berkahwin adalah menjadi hak isteri dan tidak boleh diambil balik oleh suami kecuali dengan izinnnya, kecuali apabila berlakunya perceraian sebelum berlakunya persetubuhan. Firman Allah SWT di dalam Surah An-Nisa' ayat 19:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرِثُوا النِّسَاءَ كَرِهًا ۖ وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا
بِبَعْضِ مَا آتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَاحِشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ ۖ وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۚ فَإِنْ
كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا

Maksudnya: “*Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kami menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang telah kamu kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata.....*” (Surah An-Nisa’: 19)

Ini menunjukkan bahawa, hak untuk mendapatkan mas kawin atau mahar ini merupakan hak isteri yang wajib ditunaikan oleh suami. Hak ini juga tidak akan terjejas walaupun berlakunya perceraian. Oleh itu, sekiranya jumlah penuh mas kawin atau sebahagian darinya belum dijelaskan lagi oleh suami, isteri berhak untuk menuntutnya selepas terjadinya perceraian.

Berhubung dengan hak ini, Seksyen 59, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah 2008 memperuntukkan bahawa, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh menyentuh apa-apa hak yang mungkin ada pada seorang isteri di bawah Hukum Syarak terhadap mas kawinnya dan pemberian kepadanya atau apa-apa bahagian daripadanya apabila pernikahannya dibubarkan. Ini jelas menunjukkan bahawa, hak-hak isteri yang diceraikan masih lagi boleh dituntut walaupun perceraian telah berlaku, dan suami wajib membayar mahar yang belum dijelaskannya terhadap isterinya.

Pecahan kaedah

Berdasarkan kaedah ini, terbahagi pula kepada beberapa bahagian dan cabang kaedah lain iaitu :

الأصل بقاً ما كان على ما كان

Maksudnya: “*Asal Sesuatu Perkara Kekal Mengikut Keadaan Sebelumnya*” (Jalaluddin Al-Suyuthi, 2004).

Kaedah ini menunjukkan kekal sesuatu hukum masa selepasnya atau akhir dengan mengikut sabit hukum pada masa lampau. Maka berdasarkan kaedah ini hak bagi isteri untuk mendapatkan mas kawin atau mahar ini merupakan hak isteri yang wajib ditunaikan oleh suami. Hak ini juga tidak akan terjejas walaupun berlakunya perceraian. Oleh itu, sekiranya jumlah penuh mas kawin atau sebahagian darinya belum dijelaskan lagi oleh suami, isteri berhak untuk menuntutnya selepas terjadinya perceraian.

2. Nafkah ‘Iddah perlu diberikan

Nafkah merupakan perkataan yang berasal daripada Bahasa Arab dan digunakan secara meluas di dalam Bahasa Melayu dan kehidupan kita seharian. Perkataan nafkah menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat bermaksud sesuatu perbelanjaan yang wajib diberikan oleh suami kepada isterinya seperti wang,

makan, minum, tempat tinggal dan keperluan asas yang lain untuk menyara kehidupan seharian.

Menurut Al-Syarbini (2003: 151, juz 4, 542) ialah sesuatu yang dikeluarkan dan tidak dipergunakan kecuali untuk sesuatu yang baik. Beliau berpendapat bahawa suami wajib menunaikan hak-hak isteri iaitu terdiri dari tujuh perkara iaitu makanan, bahan-bahan dapur seperti rempah-ratus, bawang, minyak masak, garam, gula, asam, termasuk lauk-pauk dan sebagainya, pembantu bagi isteri yang kebiasaannya mempunyai pembantu (bagi suami yang mampu), pakaian, alat-alat pembersih badan dan pencuci pakaian, sikat dan sebagainya, perkakas-perkakas rumah seperti perkakas bilik air, perkakas tidur dan sebagainya dan tempat tinggal (rumah). Manakala Sayyid Sabiq (2010: 169) menambah definisi nafkah sebagai pemberian suami untuk memenuhi keperluan isterinya seperti makanan, minuman dan ubat-ubatan walaupun isterinya itu adalah seorang yang kaya.

Al-Zuhaili (1984: 765) pula berpendapat bahawa nafkah ini sebagai keperluan kepada orang yang menjadi tanggungannya (suami) yang terdiri daripada makanan, pakaian dan tempat tinggal.

Manakala 'iddah pula dari sudut bahasa menurut Wahbah Al- Zuhaili di dalam kitab Al Fiqh Al Islam wa Adillatuh adalah bermaksud pengiraan yang diambil daripada perkataan (adad) yang memberi makna bilangan kerana ia mengandungi tempoh suci ataupun bilangan bulan.

Dari sudut istilah Fuqaha di dalam Al-Fiqh al-Manhaji Mazhab Al-Syafie pula menyebut 'iddah ialah satu masa yang ditentukan untuk menamatkan apa-apa kesan daripada perkahwinan. Apabila berlaku perpisahan di antara seorang lelaki dengan isterinya maka hubungan perkahwinan antara isteri dengan suaminya tidak akan terputus kesemuanya hanya dengan berlakunya perpisahan, bahkan isterinya wajib menahan dirinya dan tidak mengahwini orang lain sehinggalah tamat tempoh yang telah ditetapkan oleh syarak tadi.

Pensyariatan 'iddah ini adalah untuk di atas perkahwinan yang telah berlalu. Oleh itu, tidak sah seorang perempuan yang bebas lagi mulia untuk berkahwin sebaik sahaja berlaku perceraian kerana ia dikira menghina perkahwinan yang pertama dan juga hubungan yang telah dijalin bersama yang wajib ditunaikan. Ia juga adalah satu waktu yang ditetapkan untuk memastikan kekosongan rahim dari mengandungkan anak. Maka ia boleh berkahwin selepas dari memastikan bahawa rahimnya tadi adalah kosong. Begitu juga 'iddah disyariatkan kerana asalnya dalam perceraian adalah talak raj'ie maka semestinya wujud peluang bagi pihak lelaki untuk rujuk kembali kepada isterinya. Maka 'iddah adalah selama lebih kurang tiga bulan untuk meneliti kembali keadaan dirinya semoga Allah akan menyedarkannya akan sesuatu.

Pecahan kaedah

Berdasarkan kaedah ini, terbahagi pula kepada beberapa bahagian dan cabang kaedah lain iaitu :

الأصل بقاً ما كان على ما كان

Maksudnya: *“Asal sesuatu perkara kekal mengikut keadaan sebelumnya”* (Jalaluddin Al-Suyuthi, 2004).

Kaedah ini menunjukkan kekal sesuatu hukum masa selepasnya atau akhir dengan mengikut sabit hukum pada masa lampau. Maka berdasarkan kaedah ini hak bagi isteri diceraikan dengan talak satu telah mendakwa masih dalam keadaan 'iddah akan dibenarkan kata-katanya.

3. Tunggakan nafkah perlu dijelaskan oleh suami

Dari segi bahasa nafkah bermaksud mengeluarkan dan membelanjakan. Nafkah menurut pandangan syarak ialah mengeluarkan perbelanjaan atau nafkah kepada mereka yang wajib atas seseorang itu menafkahnannya atau mengeluarkan belanjanya, tetapi yang dimaksudkan dengan belanja disini ialah semua hajat dan keperluan yang berlaku mengikut keadaan dan tempat seperti makanan, pakaian, tempat tidur dan sebagainya (Idris Ahmad, 1991).

Nafkah wajib dibayar kepada isteri apabila berlakunya perkahwinan selama mana isteri masih taat kepada suami. Nafkah tersebut termasuklah makanan, pakaian, tempat tinggal, pekakas rumah dan lain-lain lagi menurut keadaan dan adat ditempat masing-masing berdasarkan juga kemampuan suami untuk menyediakan keperluan tersebut (Idris Ahmad, 1991).

Sekiranya isteri taat kepada suami dan sentiasa menjaga maruah diri dan rumahtangga kepada suami, namun begitu, suami gagal menyediakan makan minum isteri dan keperluan isteri, maka akan menjadi hutang kepada suami untuk membayar nafkah yang tertunggakan tersebut. Isteri tersebut perlu membuktikan di mahkamah bahawa sepanjang perkahwinan tersebut suami telah gagal menyediakan keperluan isteri tersebut selama mana suami gagal membayar akan terbeban ke atas suami untuk menjelaskannya.

Pecahan kaedah

Berdasarkan kaedah ini, terbahagi pula kepada beberapa bahagian dan cabang kaedah lain iaitu:

الأصل بقاً ما كان على ما كان

Maksudnya: *“Asal sesuatu perkara kekal mengikut keadaan sebelumnya”* (Jalaluddin Al-Suyuthi, 2004).

Kaedah ini menunjukkan kekal sesuatu hukum masa selepasnya atau akhir dengan mengikut sabit hukum pada masa lampau. Maka berdasarkan kaedah ini hak bagi isteri diceraikan dengan talak satu telah mendakwa masih dalam keadaan 'iddah akan dibenarkan kata-katanya.

4. Hak terhadap mut'ah

Selain dari hak seorang isteri yang diceraikan untuk menuntut nafkah, terdapat lagi hak isteri yang diceraikan untuk menuntut mut'ah. Mut'ah bermaksud pemberian

oleh suami kepada isteri yang diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut'ah atau pemberian sugu hati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.

Ayat Al-Quran yang menjelaskan tentang wajib memberi Mut'ah kepada isteri yang diceraikan dalam surah al-Baqarah ayat 241:

وَلِلْمُطَلَّاقَاتِ مَتَاعٌ بِالْمَعْرُوفِ ۗ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ

Maksudnya: “Dan isteri-isteri yang telah diceraikan, berhak mendapat mut'ah (pemberian sugu hati) dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib atas orang yang bertaqwa” (Surah Al-Baqarah: 241).

Hukum syarak jelas menyebut tentang kewajipan seorang lelaki membayar mut'ah kepada isteri yang telah diceraikan seperti dalam surah Al -Baqarah ayat 236 iaitu:

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ طَلَقْتُمْ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا لَهُنَّ فَرِيضَةً ۗ
وَمَتَّعُوهُنَّ عَلَى الْمَوْسِعِ قَدَرُهُ وَعَلَى الْمُقْتِرِ قَدَرُهُ مَتَاعًا بِالْمَعْرُوفِ ۗ حَقًّا عَلَى
الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: “Tidaklah kami bersalah (dan tidaklah kamu menanggung bayaran mas kahwin) jika kamu ceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka (sebelum) kamu menetapkan mas kahwin untuk mereka, walaupun demikian, hendaklah kamu memberi mut'ah (saguhati) kepada mereka (yang diceraikan) iaitu suami yang senang menurut kemampuannya dan suami yang susah pula menuntut kemampuannya sebagai pemberian saguhati menurut yang patut lagi menjadi satu kewajipan atas orang-orang yang mahu berbuat kebaikan” (Surah Al-Baqarah: 236).

Pecahan kaedah

Berdasarkan kaedah ini, terbahagi pula kepada beberapa bahagian dan cabang kaedah lain iaitu:

الْمَشَقَّةُ تَجْلِبُ التَّيْسِيرَ

Maksudnya: “Kesusahan membawa kemudahan” (Jalaluddin Al-Suyuthi, 2004).

Kaedah ini bermaksud, apabila terdapat sesuatu kesusahan atau kesulitan dalam menunaikan dan melaksanakan perintah Allah, maka perintah itu ringankan, tidak seperti asalnya. Kaedah ini berdasarkan dalil Al-Quran dan hadith. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah Al-Baqarah ayat 185:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya: “Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran” (Surah Al-Baqarah: 185)

Firman Allah SWT lagi di dalam Surat Al-Hajj Ayat 78:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya: “Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan)” (Surat Al-Hajj: 78)

Hadith daripada Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh Buhari dan Muslim:

وَأِنَّمَا بُعِثْتُكُمْ مُبَسِّرِينَ وَمَنْ تُبْعَثُوا مُعَسِّرِينَ

Maksudnya: “Sesungguhnya kamu diutus untuk memudahkan dan bukan diutus untuk menyusahkan”.

Berdasarkan kaedah ketiga tersebut, meletakkan bebanan itu menjadi kesukaran terhadap hamba-hamba, untuk itu kesusahan tersebut juga menjelaskan kepada kita bahawa agama Islam itu membawa konsep kemudahan terhadap umatnya dan memberi keringanan bukan kesusahan dan kesempitan. Walaupun begitu, mestilah terlebih dahulu menentukan musyaaqah atau kesusahan yang menjadi sebab keringanan (Jalaluddin Al-Suyuthi, 2004). Oleh yang demikian kaedah ini diaplikasikan di dalam hak terhadap mut'ah antaranya ialah dapat meringankan beban yang ditanggung oleh seorang bekas isteri akibat dicerai oleh bekas suaminya. Isteri dapat memulakan penghidupan baru secara bersendirian atau sebelum dia dapat berkahwin dengan lelaki lain atau sebelum dia kembali semula kepada suaminya yang asal. Isteri yang dicerai itu dapat menghadapi masa depan hidupnya dengan penuh cekal dan sabar.

5. Harta sepencarian

Harta sepencarian boleh ditakrifkan sebagai harta sama ada harta alih atau tidak alih yang diperolehi bersama oleh pasangan suami isteri semasa kewujudan perkahwinan mereka hasil dari sumber-sumber atau usaha mereka. Harta ini dikenali sebagai harta

sepercarian dan menurut Adat Temenggong atau harta carian laki-bini menurut istilah Adat Papatih.

Di Selangor, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, Akta 303 ada memperuntukkan dibawah seksyen 122 (1) iaitu “Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talak atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu”.

Seksyen 122 (2) menyatakan pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang:-

- i. Takat sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau usaha ke arah memperolehi aset-aset itu;
- ii. Apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;
- iii. Keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada dan tertakluk kepada pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.

Pecahan kaedah

Berdasarkan kaedah ini, terbahagi pula kepada beberapa bahagian dan cabang kaedah lain iaitu:

الأصل في الكلام الحقيقة

Maksudnya: “*Asal di dalam percakapan ialah hakikat.*”

Kaedah ini menunjukkan hakikat aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu sama rata.

6. Hak penjagaan anak (Hadhanah)

Wanita yang diceraikan juga berhak untuk mendapatkan hak mengenai penjagaan anak-anak mereka selepas berlakunya perceraian.

Hadhanah dari perkataan Arab yang berasal dari perkataan “Hadhanah” yang bermaksud “rusuk” atau “peluk”. Ini kerana, kelaziman bagi seorang ibu apabila ia sedang mengasuh atau mendukung anaknya maka anak tersebut akan dipangku disebelah rusuknya, jika kalimah itu dinisbahkan kepada seseorang, maka ia memberi erti mendidik atau mengasuh atau mentadbir sesuatu.

Istilah dari segi syarak menurut Syaikh Abdul Rahman Al-Jazairi di dalam kitab Fiqh 4 Mazhab (Juzuk 4 & 5), para ulamak membuat pelbagai definisi mengikut pemahaman mereka antaranya ialah:-

- Menurut al-Hanafiah, hadhanah ialah “hak penjagaan anak-anak bagi sesiapa yang dibenarkan untuk mendidik/membesarkan kanak-kanak tersebut serta menjaga dan memenuhi segala keperluannya dalam usia yang tertentu”.
- Al Syafiiyah pula mendefinisikan hadhanah dengan “keupayaan untuk menjaga/ mengawasi orang-orang yang tidak dapat membezakan atau tidak mampu menjaga diri mereka (seperti anak kecil dan orang gila) serta mendidik dan membesarkan mereka kearah kebaikan dan melindungi mereka daripada bahaya dan kemudharatan”.
- Al-Malikiyah pula mendefinisikan “penjagaan /penyeliaan anak di dalam kediaman (rumah) dengan menyediakan makan dan minum, pakaian, tempat tidur serta kebersihan dirinya”.
- Al Hanabilah mendefinisikan hadhanah sebagai “menjaga/menyelia budak kecil dan selainya (orang gila) daripada apa-apa yang memudharatkannya dan mendidiknya dengan sesuatu yang mendatangkan kebaikan untuknya”.

Pecahan kaedah

Berdasarkan kaedah ini, terbahagi pula kepada beberapa bahagian dan cabang kaedah lain iaitu :

الدِّينُ مَبْنِيٌّ عَلَى الْمَصَالِحِ فِي جَلْبِهَا وَالِدَرْءِ لِلْقَبَائِحِ

Maksudnya: “Agama ini terdiri untuk kebaikan dan masalah dalam penetapan syariatnya dan untuk menolak kerosakan”.

Dalam kitab Mulakhos Mandhumah Fiqhiyyah yang diringkaskan oleh Abu Humaid Abdullah Al-Falasi dari kitabnya Asy-Syeikh Muhammad Sholeh Al-Ussaimin di katakan dalam kaedah pertamanya iaitu:

الدين جاء لسعادة البشر

Maksudnya: “Agama Islam datang untuk kebahagiaan manusia” (Asy-Syeikh Muhammad Sholeh Al-Ussaimin).

Atau dalam konteks lain dikatakan :

الدين كله جلبٌ للمصالح ودفْعٌ للمفاسد

Maksudnya: “Agama Islam seluruh syariatnya adalah untuk mendatangkan kebaikan dan manfaat dan untuk menolak kerosakan dan mudarat” (Asy-Syeikh Muhammad Sholeh Al-Ussaimin).

Kaedah ini adalah kaedah umum dalam agama Allah SWT yang padanya dikembalikan urusan agama ini. Agama Islam sangat menjaga masalah ummah dan menolak mudarat. Dengan adanya hak penjagaan anak ini, anak tersebut tidak akan bersendirian menguruskan dirinya daripada perkara yang menyakitkannya kerana dia tidak mumayyiz, seperti kanak-kanak dan orang besar yang gila. Juga dengan mendidik orang tersebut dengan perkara yang memberi masalah kepadanya sama ada berkaitan pemeliharaan makanan, minuman dan sebagainya. Jelaslah disini agama Islam sangat sempurna dan menjaga kemaslahatan dari segi semua aspek.

7. Orang yang diberi keutamaan menjaga anak

Sebahagian daripada kes hadanah (hak jagaan) anak-anak di Mahkamah Syariah difaillkan oleh bapa, walaupun dalam sesetengah kes, anak yang dituntut masih di bawah umur mumayyiz (umur kecerdikan). Mahkamah tidak boleh menghalang seseorang membuat tuntutan, namun sebelum sesuatu tindakan dibuat, bapa perlu tahu adakah mereka berhak terhadap hadanah anak-anak yang masih kecil.

Dari sudut bahasa, hadanah diambil dari perkataan al-hidn yang bererti rusuk atau dada, kerana kebiasaannya kanak-kanak akan didukung pada rusuk atau dada. Dari sudut Syara', mazhab Shafi'i mendefinisikan hadanah sebagai menjaga orang yang tidak boleh bersendirian menguruskan dirinya daripada perkara yang menyakitkannya kerana dia tidak mumayyiz, seperti kanak-kanak dan orang besar yang gila. Juga dengan mendidik orang tersebut dengan perkara yang memberi masalah kepadanya sama ada berkaitan pemeliharaan makanan, minuman dan sebagainya.

Hukum hadanah ke atas kanak-kanak adalah wajib, kerana mengabaikannya bererti membiarkannya kepada bahaya dan kebinasaan. Sebab itu apabila ibu dan bapa telah tinggal berasingan atau telah berlaku perceraian, adalah menjadi kewajipan kepada Mahkamah Syariah untuk memutuskan berkenaan hadanah kepada salah seorang daripada ibu atau bapa atau kepada seorang yang lain.

Menurut Syed Sabiq dalam kitabnya Fiqh As-Sunnah (Juzuk 8) menyatakan bahawa sesungguhnya setiap penjaga dan anak jagaan masing-masing mempunyai hak. Akan tetapi hak anak atau masalah anak lebih penting dari hak penjaganya.

Maka atas dasar kemaslahatan anak, Islam telah menetapkan hak hadanah kepada seorang ibu, selama mana dia belum berkahwin lain. Dalam hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar bahawa seorang wanita pernah datang kepada Baginda SAW dan bertanya "*Ya Rasulullah, anakku ini, perutku lah yang mengandungnya, susu akulah minumannya dan ribaanku rumahnya tetapi bapanya telah menceraikan aku dan hendak merampas anak itu daripada aku*". Selepas mendengar aduan itu Rasulullah SAW bersabda, "*Engkaulah yang lebih berhak menjaga anak itu selagi engkau belum berkahwin lain*" (HR Ahmad dan Abu Dawud).

Ibu diberi keutamaan untuk mendapat hadanah, kerana ibu mempunyai ciri-ciri dan sifat yang lebih sesuai untuk tujuan pengasuhan jika dibandingkan dengan bapa. Ibu lebih tahu bagaimana mendidik anak, lebih sabar, dan ibu mempunyai lebih masa berdampingan dan bermanja dengan anak-anak berbanding dengan bapa yang sibuk mencari nafkah untuk keluarga.

Hak dan tanggungjawab ibu akan berterusan sehingga kanak-kanak tersebut mencapai umur mumayyiz (umur kecerdikan). Seksyen 84 (1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan [Akta 303] memperuntukkan - Hak hadinah bagi menjaga seseorang kanak-kanak adalah tamat setelah kanak-kanak itu mencapai umur tujuh tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur sembilan tahun, jika kanak-kanak itu perempuan, tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan hadinah, membenarkan dia menjaga kanak-kanak itu sehingga kanak-kanak itu mencapai umur sembilan tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur sebelas tahun, jika kanak-kanak itu perempuan.

Meskipun syarak menetapkan ibu orang yang paling berhak terhadap hadanah, tetapi hak tersebut tertakluk kepada beberapa syarat yang telah ditetapkan. Sekiranya seorang ibu itu tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, maka hak dan tanggungjawab hadanah tersebut akan jatuh kepada orang yang seterusnya mengikut turutan yang telah ditetapkan.

Ibu yang telah berkahwin dengan lelaki lain yang tidak mempunyai hubungan mahram dengan anak itu akan menggugurkan hak hadhanah baginya. Menurut mazhab Syafi'i, seseorang penjaga (hadinah) mestilah seorang Islam kerana seorang ibu yang kafir atau murtad tidak berhak mengasuh kanak-kanak kecil. Penjaga juga mestilah berakal waras. Orang gila tidak boleh menjadi pengasuh kecuali gilanya itu terlalu sedikit, seperti sehari dalam masa setahun. Ibu yang mempunyai sifat khianat juga tidak berhak menjadi penjaga, kerana dia tidak akan menjaga kanak-kanak itu dengan sebaik mungkin.

Penjaga juga mestilah baliqh, merdeka dan wanita yang baik serta bermoral tinggi. Perempuan fasik, seperti pezina, peminum arak, pencuri dan sebagainya tidak berhak menjadi pengasuh. Kanak-kanak juga tidak boleh diserahkan kepada ibu jika mereka tidak mempunyai tempat tinggal tetap, sama ada milik sendiri atau rumah sewa.

Seksyen 82 Akta 303 memperuntukkan bahawa syarat-syarat menjadi hadhanah ialah:

- a) Dia adalah seorang Islam
- b) Dia adalah sempurna akal
- c) Dia berumur yang melayakkan dia memberikan kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang diperlukan oleh kanak-kanak itu
- d) Dia berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah
- e) Dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani

Mempunyai akhlak yang mulia adalah menjadi keutamaan kepada orang yang memelihara kanak-kanak pasangan yang bercerai, bertujuan untuk memelihara kanak-kanak tersebut daripada sifat-sifat buruk yang boleh merosakkan akhlak. Jika ibu telah hilang kelayakan untuk hadanah atau meninggal dunia, hak tersebut akan berpindah kepada nenek sebelah ibu. Jika nenek juga tidak layak, barulah berpindah kepada bapa.

Jika ibu atau nenek masih hidup dan tidak hilang kelayakannya di sisi Syarak untuk hadanah, maka bapa usahlah membuang masa mereka dan masa mahkamah menuntut sesuatu yang bukan hak mereka. Cukuplah bapa menuntut hak melawat

(haqqul ziarah) anak-anak tersebut. Yakinlah dengan Syarak kenapa kaum ibu diberikan keutamaan menjaga anak-anak.

Apabila sampai umur mumayyiz anak-anak tersebut boleh berfikir dan membuat pilihan sendiri mana yang terbaik untuk mereka, samada tinggal bersama ibu atau bapa. Seksyen 84 (2) Akta yang sama memperuntukkan - Setelah tamatnya hak hadhanah, penjagaan adalah turun kepada bapa, dan jika kanak-kanak itu telah mencapai umur kecerdikan (mumaiyiz), maka kanak-kanak itu adalah berhak memilih untuk tinggal dengan sama ada ibu atau bapanya, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

Dalam satu hadith riwayat Imam Ahmad, apabila sudah berusia tujuh tahun, maka ia disuruh memilih antara ikut ayahnya atau ibunya. Hal ini sesuai dengan hadith Rasulullah SAW:

وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ امْرَأَةً قَالَتْ: (يَا رَسُولَ اللَّهِ! إِنَّ زَوْجِي يُرِيدُ
أَنْ يَذْهَبَ بِابْنِي, وَقَدْ نَفَعَنِي, وَسَقَانِي مِنْ بَيْتِ أَبِي عِنَبَةَ فَجَاءَ زَوْجُهَا, فَقَالَ
النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا غُلَامُ! هَذَا أَبُوكَ وَهَذِهِ أُمُّكَ, فَخُذْ بِيَدَيْهِمَا
شِئْتَ فَأَخَذَ بِيَدِ أُمِّهِ, فَأَنْطَلَقَتْ بِهِ)

Maksudnya: *“Wahai anak! Ini bapamu dan ini ibumu, peganglah tangan siapa yang kamu suka antara mereka berdua. Lalu anak itu memegang tangan ibunya, lantas ibunya membawa ia pergi”* (HR Imam Ahmad).

Pecahan kaedah

Berdasarkan kaedah ini, terbahagi pula kepada beberapa bahagian dan cabang kaedah lain iaitu:

الأصل بقاً ما كان على ما كان

Maksudnya: *“Asal sesuatu perkara kekal mengikut keadaan sebelumnya”* (Jalaluddin Al-Suyuthi, 2004).

Kaedah ini menunjukkan kekal sesuatu hukum masa selepasnya atau akhir dengan mengikut sabit hukum pada masa lampau. Maka berdasarkan kaedah ini Ibu diberi keutamaan untuk mendapat hadhanah, kerana ibu mempunyai ciri-ciri dan sifat yang lebih sesuai untuk tujuan pengasuhan jika dibandingkan dengan bapa. Ibu lebih tahu bagaimana mendidik anak, lebih sabar, dan ibu mempunyai lebih masa berdampingan dan bermanja dengan anak-anak berbanding dengan bapa yang sibuk mencari nafkah untuk keluarga.

8. Hak tempat tinggal

Seseorang perempuan yang diceraikan berhak tinggal di rumah di mana dia biasa tinggal ketika dia dalam perkahwinan selama 'iddah. Suami adalah berkewajipan menyediakan tempat tinggal yang sesuai dan munasabah untuk isterinya sama ada secara menyewa atau milik suami itu sendiri. Isteri juga boleh membuat tuntutan di Mahkamah Syariah sekiranya suami tidak menyediakan keperluan tersebut. Ini bagi menjaga kemudahan yang akan diterima oleh isteri selepas diceraikan.

Pecahan kaedah

Berdasarkan kaedah ini, terbahagi pula kepada beberapa bahagian dan cabang kaedah lain iaitu:

العادة محكمة

Maksudnya: "*Sebuah adat kebiasaan itu bisa dijadikan sandaran hukum*" (Jalaluddin Al-Suyuthi, 2004).

Kaedah ini membawa maksud sesuatu adat kebiasaan itu dapat ditetapkan sebagai hukum atau adat menentukan hukum. Untuk itu, para ulama' menetapkan bahawa 'uruf dan adat kebiasaan itu merupakan salah satu daripada sumber hukum dalam keadaan ketiadaan nas syarak. Namun, jika adat atau 'uruf kebiasaan itu bercanggah dengan nas, ia ditolak serta merta. Sebagai contoh adat masyarakat Melayu di Malaysia apabila perempuan diceraikan berhak tinggal di rumah di mana dia biasa tinggal ketika dia dalam perkahwinan selama tempoh 'iddahnya.

Berdasarkan pengertian adat dan 'uruf, ada sedikit perselisihan dalam kalangan ulama' untuk mentafsirkannya. Namun, ianya adalah perbezaan kecil sahaja sedangkan skop dan konsepnya adalah sama. Adat ialah apa yang menjadi kebiasaan orang ramai atau segolongan dari kalangan mereka. Ia merupakan perkara yang diulang-ulang menurut kebiasaan sesuatu golongan mengikut cara tertentu dan diterima sebagai logik. Menurut Al-Jurjani, adat adalah sesuatu perbuatan atau perkataan yang terus menerus dilakukan oleh manusia. Apa yang penting ialah ia dapat diterima oleh akal manusia serta dilakukan secara berulang-ulang. 'Uruf pula ialah perkara yang dapat diterima dan disenangi menurut perasaan manusia. Ia adalah perkara yang tetap dalam diri manusia dari segi akal dan diterima oleh tabiat semulajadi yang sejahtera. Untuk itu, 'uruf ialah perkara yang selaras dengan perasaan dan tabiat manusia yang mana merangkumi perkataan dan perbuatan.

5.0 METODOLOGI

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kajian perpustakaan dan bahan bacaan untuk menganalisis aplikasi kaedah *Ad Darar Yuzal* dalam konteks perkahwinan. Kajian kualitatif ini dijalankan melalui penyelidikan perpustakaan, yang melibatkan pengumpulan dan analisis sumber-sumber literatur yang relevan bagi mendapatkan pemahaman mendalam mengenai prinsip menghapuskan kemudahan dalam kehidupan rumah tangga. Sumber data utama

kajian ini terdiri daripada literatur primer, seperti kitab-kitab fiqh klasik dan moden yang membincangkan kaedah-kaedah fiqh, khususnya *Ad Darar Yuzal*. Selain itu, literatur sekunder seperti artikel jurnal, buku dan tesis yang mengupas isu kemudaratan dalam perkahwinan turut digunakan untuk memahami aplikasi kaedah ini dalam konteks yang lebih luas. Sumber rujukan lain yang diambil kira ialah dokumen undang-undang Islam yang berkaitan, seperti akta perkahwinan Islam dan fatwa, bagi melihat bagaimana prinsip ini diterapkan dalam perundangan Islam.

Data dikumpulkan melalui penyusunan bahan bacaan yang relevan dari perpustakaan dan jurnal dalam talian. Setiap bahan dianalisis secara kritikal melalui kaedah analisis kandungan, yang bertujuan mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan aplikasi kaedah *Ad Darar Yuzal* dalam perkahwinan, khususnya mengenai konsep kemudaratan dan pencegahannya. Analisis juga menumpukan pada isu-isu seperti penderaan fizikal dan mental, ketidakadilan ekonomi, dan konflik keluarga yang sering berlaku dalam hubungan suami isteri. Hasil daripada analisis kandungan ini kemudian disusun secara tematik, memfokuskan pada dapatan utama mengenai peranan kaedah *Ad Darar Yuzal* dalam memastikan kesejahteraan dan keharmonian rumah tangga.

Untuk memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan kajian, pemeriksaan literasi dilakukan dengan memastikan bahawa bahan bacaan yang dirujuk adalah sahih dan sesuai dengan topik kajian. Selain itu, semakan rakan sebaya dijalankan untuk menilai kesahihan dan konsistensi dapatan. Secara keseluruhannya, pendekatan kajian perpustakaan ini membolehkan kajian mendalami aplikasi kaedah *Ad Darar Yuzal* dalam menyelesaikan konflik dan mengurangkan kemudaratan dalam perkahwinan, sambil menilai keberkesanan prinsip ini dalam konteks perundangan Islam.

6.0 KESIMPULAN

Matlamat perkahwinan ialah untuk hidup dalam kasih sayang dan rahmat (*mawaddah wa rahmah*) yang berterusan antara pasangan suami isteri. Tetapi, kadang-kala rumah tangga tidak dihiasi dengan kasih sayang dan tidak mendapat rahmat Allah SWT kerana satu pihak atau kedua-duanya tidak mengikut adab serta hukum-hakam dalam perkahwinan atau tidak melaksanakan tanggungjawab yang dituntut syarak.

Pembubaran perkahwinan adalah dibenarkan jika berlaku darar. Jika sesuatu perkahwinan itu ternyata telah gagal dan tujuan suci dan matlamat murninya tidak tercapai, sebaliknya menimbulkan mudarat, kesudahan, penderitaan, pertengkaran, pukul memukul, maki hamun dan perkelahian yang berpanjangan, maka ada baiknya berpisah dengan cara yang baik dan bertimbangrasa, sebagai jalan penyelesaian yang terakhir (Jawatankuasa Rayuan Syariah, 1990). Jika diteliti dengan lebih mendalam, prinsip pembubaran perkahwinan atau fasakh kerana darar tidaklah diisyaratkan penganiayaan atau darar terhadap tubuh badan sahaja, malahan lebih luas dari itu termasuk enggan bercakap dengan isteri, membelakangkan isteri atau memalingkan muka darinya semasa di katil, mengutamakan memberi layanan kepada perempuan lain selain isteri, memukul dengan pukulan yang menyakiti dan tidaklah diisyaratkan pukulan itu dilakukan berulang kali dan lazim (Dr. Ahmad Al-Husary, 1968).

Kerenggangan dan kegagalan pasangan itu sedikit demi sedikit akan melebar hingga tidak dapat diperbaiki sekaligus, menghancurkan keharmonian rumah tangga. Sebagai jalan penyelesaian, Islam memberikan jalan keluar yaitu talak atau perceraian. Pembatalan atau pembubaran perkahwinan sedemikian adalah diharuskan berasaskan kepada prinsip yang terkandung dalam hadis Nabi SAW yang melarang melakukan kemudaratan sebagaimana sabdanya:

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya: “Tidak ada kemudaratan dan tidak memudaratkan.”
(Riwayat Ibn Majah no.2340 dan 2341).

Oleh itu, rumahtangga atau perkahwinan bukanlah penjara seksaan untuk seorang lelaki atau wanita. Ia sepatutnya dibina atas cinta dan kebahagiaan, bukan kebencian dan permusuhan. Jika kebencian dan permusuhan mengambil tempat, maka tiada ertinya lagi untuk sesuatu perkahwinan itu diteruskan. Ia akan lebih mengundang dosa daripada pahala. Ia akan merosakkan jiwa dan ketenteraman perasaan. Jika perceraian itu membawa kebaikan seperti mengelakkan kezaliman antara suami dan isteri atau anak-anak, maka itu adalah suatu kebaikan. Berdasarkan firman Allah SWT di dalam surah Al-Talak ayat 6:

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَارُّوهُنَّ لِتُضَيِّقُوا عَلَيْهِنَّ ۗ وَإِنْ
كُنَّ أَوْلَاتٍ حَمَلٍ فَانْفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّىٰ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ ۗ فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتُوهُنَّ
أُجُورَهُنَّ ۗ وَأَمْرٌ بَيْنَكُمْ بِمَعْرُوفٍ ۗ وَإِنْ تَعَاَسَرْتُم فَاسْتَرْضِعْ لَهُ أُخْرَىٰ

Maksudnya: “Tempatkanlah mereka (para isteri) di mana kamu bertempat tinggal menurut kemampuanmu dan janganlah kamu menyusahkan mereka untuk menyempitkan mereka. Dan jika mereka (isteri-isteri yang sudah ditalak) itu sedang hamil, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya hingga mereka bersalin, kemudian jika mereka menyusu (anak-anak)mu untukmu maka berikanlah kepada mereka upahnya dan musyawarahkanlah antara kamu (segala sesuatu) dengan baik dan jika kamu menemui kesulitan maka perempuan lain boleh menyusukan (anak itu) untuknya”. (Surah Al-Talak: 6).

Demikian Allah memberi panduan mengenai hak-hak wanita selepas diceraikan suami. Ini bermakna tanggungjawab suami memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak bukan sahaja semasa hidup bersama tetapi juga selepas bercerai dengan isteri. Antara hak-hak yang boleh dituntut di Mahkamah selepas sesuatu perceraian berlaku ialah nafkah eddah, tunggakan nafkah isteri, mut'ah, hak mendapatkan tempat tinggal, harta sepencarian, hak jagaan anak (Hadhanah) dan nafkah anak.

Sungguhpun ikatan pernikahan putus akibat pembubaran perkahwinan seperti persetujuan bersama, lafaz cerai di luar mahkamah, fasakh, taklik, khuluk atau anggapan kematian yang mengakibatkan jatuhnya talak, Islam memberi ruang kepada pasangan suami isteri untuk terus berhubung antara satu sama lain dengan batas pergaulan yang diharuskan oleh hukum syarak terutamanya bagi menjalankan tanggungjawab hakiki. Matlamat ini murni bagi memastikan hak dan kepentingan bekas suami, bekas isteri dan anak dilindungi.

Sumbangan Pengarang

Abd Rahman, S. N. H., Mahadi, M. H., Mohd Azli, R. dan Mohd Zhaffar, N., Proses penulisan melibatkan pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa, dan penyuntingan draf akhir dilaksanakan dan keseluruhan penyediaan artikel disempurnakan secara kolektif oleh semua pihak yang terlibat.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Abd Ghapar, M. Q. (2003). *Qawaid Fiqhiyyah*. Mesir: Al-Azhar Media Enterprise
- Abdullah, R. & Hussin, N. (2014). Perkahwinan Dan Perceraian Masyarakat Melayu Terengganu 1950an–1970an. *Kajian Malaysia*, 32, (1), 81–117.
- Abdullah, F. S. (2013). *Perceraian dan Perpisahan*. Kementerian Kesihatan Malaysia. Diakses daripada <http://www.myhealth.gov.my/perceraian-dan-perpisahan/> pada 17 Oktober 2016.
- Al-Suyuty. (1983). *Al-Asbah Wa al-nazair*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah: Beirut
- Abdur Rauf al-Marbawi, M. I. (1990). Kamus Marbawi. Cetakan ke-2. Kuala Lumpur: Darul Nu'man
- Ahmad, M. S. (1998). *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Ahmad Muhammad al-Zarqa'. (1993). *Syarh al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Dar al-Qalam: Damsyik.
- Ahmad, M. S. (1998). *Qawaid al-Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid
- Ahmad Al-Husary. (1968). *Al-Ahwal Al-Shakhsiyyah* Maktabah Al-Kulliyat Al Azhariyyah. Mesir.
- Al-Suyuthi, J. A. R. (2004). *Kaedah-kaedah Hukum Islam Mazhab Shafi'i*. Crescent News (K.L) SDN.BHD.
- Al-Suyuthi, J. A. R. (2013). *Al-Asybah Wan Nadhir (Kaedah Fiqh Imam As-Syafi'i*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Suyuthi, J. A. R. (2004). *Kaedah-kaedah Hukum Islam Mazhab Shafi'*. Kuala Lumpur: Crescent News (K.L) Sdn. Bhd.

- Ani Sri Duriyanti. (2009). *Pelaksanaan Putusan Perceraian Atas Nafkah Istri Dan Anak Dalam Praktek Di Pengadilan Agama Semarang*. Semarang: Universitas Diponegoro. Diakses daripada: http://www.islam.gov.my/en/selepas-perceraian-apakah-hak-wanita-yang-perlu-dituntuthttp://www.jbg.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=530&Itemid=241&lang=ms. 17 Oktober 2016.
- Idris Ahmad S.H. (1991). *Fiqh Syafii*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ishak, M. S. (2002). *Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. UTM, Skudai: Cetak Ratu Sdn.Bhd.
- Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait. (2005). *Mausu'ah al-Fiqhiyyah* (Jil. 28, hlm. 178–189). Cetakan Kedua. Kuwait: Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam.
- Lina Nur Hayanti. (2010). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Ketinggian Cerai*. Yogyakarta: Universiti Islam Sunan Kalijaga.
- Muda, A. B. (2000). *Kaedah-kaedah Fiqh*. Kuala Lumpur: Ilham Abati Enterprise.
- Muda, A. B. & Ali, R. (1997). *Pengantar Usul Fiqh*. Kuala Lumpur: Ilham Abate Enterprise.
- Muda, A. B. & Ali, R. (2000). *Perbahasan Kaedah-kaedah Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Muhammad al-Zuhayly. (2006). *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah Wa Tatbiqatuha Fi al-Mazahib al-Arbah*. Dar al-Fikr: Damsyik.
- Muhammad, I. U. (2013). *Kaedah La Ibrah Bi al-Zhann al-Bayyin Khatauhu Wa Tatbiqatuha al-Fihyyah*. Majalah Kuliyyah Ulum al-Islamiyyah . Bil 13.
- Mustafa Al-Khin, Mustafa al-Bugha & Ali Asy-Syarbaji. (2009). *Penterjemah: Dr Zulkifli bin Mohamad al-Bakri & rakan-rakan. Al-Fiqh al-Manhaji Mazhab Al-Syafie*. Jilid 3. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Mustafa Ahmad al-Zarqa'. (1998). *Al-madkhal al-Fiqhu al-'Ammu*. Damshik: Dar al-Qalam
- Ramli, M. S. (2002). *Qawaid Al-Fiqh Al-Islami*. Bangi: Percetakan Kolej Universti Islam Selangor.
- Sulaiman abu syeikha al magetiy. *Kaidah-Kaidah Fiqih. Bahagian Pertama*.
- Sulong, J., & Ismail, F. H. (2011). *Pemakaian Doktrin Al-Masalih Al-Mursalah Dalam Hukum Al-Fara'id: Application of Doctrine of al-Masalih al-Mursalah in Fara'id*. Jurnal Syariah, 19(1), 1-22.
- Sujimon, M. S. & Mohamad, A. B. (2006). *Fikah Kekeluargaan*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Syaikh Abdul Rahman Al-Jazairi. (2011). *Fiqh 4 Mazhab (Juzuk 4 & 5)*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Usman Syubair. (2006). *al-Qawaid al-Kuliyyah Wa al-Dhawabit al-Fiqhiyyah Fi al-Shariah al-Islamiyyah*. Jordan: Dar al-Nafais
- Wahbah Az-Zuhaili. (1997). *Terjemahan: Fiqh dan Perundangan Islam (Syed Ahmad Syed Hussain)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahbah Az-Zuhaili, (T.T). *Rujukan hukum: Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Juzuk 1. Beirut: Darul Fikri.